

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Pasukan bola sepak sekolah saya _____ bersemangat untuk memulakan perlawanan itu.
A nian
B benar
C paling
D sungguh
- 2 Pendidikan alam sekitar _____ telah lama diterapkan dalam beberapa mata pelajaran melalui pendidikan merentas kurikulum.
A selamanya
B selayaknya
C sebenarnya
D sekurangnya

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Kejayaan yang dicapai oleh atlet muda negara itu sungguh *pesat*.
II Dia berlari dengan *pesatnya* untuk memenangi perlumbaan itu.
III Setelah mencapai kemerdekaan, negara kita begitu *pesat* membangun.
IV Perkembangan teknologi mengalami perubahan yang begitu *pesat*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 4 I Azmeer tetap dengan *pendiriannya* untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.
II Kerajaan Malaysia menetapkan *pendirian* untuk menghantar pendatang asing tanpa izin kembali ke negara asal mereka.
III *Pendirian* jambatan baharu itu akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan negeri.
IV Zulaikha telah *pendirian* rumah tangga dengan jejak pilihannya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Dengan berpandu kamus peribahasa, kita dapat meningkatkan penguasaan peribahasa.
- A Dengan berpandukan kamus peribahasa
B Dengan berpandukan pada kamus peribahasa
C Dengan berpanduan kepada kamus peribahasa
D Dengan berpandu kamus peribahasa
- 6 Tiap orang yang mengunjungi ke kedai itu mendapat diskaun 30 peratus.
- A Tiap orang yang berkunjung
B Setiap orang yang berkunjung
C Setiap orang yang mengunjungi
D Tiap orang yang mengunjungi

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Di mana sahaja masyarakat asyik memperkatakan masalah kenaikan harga barang.
II Kesesakan lalu lintas itu disebabkan oleh kemalangan jalan raya.
III Muhammad Hafizi mengundang kawannya ke majlis perkahwinan kakaknya.
IV Kegawatan ekonomi tidak menghalang Zainurin untuk meneruskan perniagaan keluarga.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 8 I Pengacara majlis memulakan majlis itu dengan serangkap pantun.
II Sameera mengisi masa lapangnya dengan aktiviti yang menarik.
III Murid-murid gembira setelah memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan.
IV Selekoh yang merbahaya merupakan salah satu punca kemalangan jalan raya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Masa senggang murid wajar dipenuhi dengan kegiatan yang berfaedah seperti membaca akhbar.
- A Pada masa lapang, murid digalakkan supaya membaca akhbar.
B Murid digalakkan agar menulis cerpen atau membaca akhbar.
C Murid harus menggunakan masa lapang mereka dengan membaca akhbar.
D Pada waktu senggang, murid mesti membuat kerja yang berfaedah seperti membaca akhbar.

Soalan 10

Pilih kata-kata hikmat yang paling sesuai.

- 10 "Sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab, kita mestilah bermuafakat bagi melahirkan negara yang gemilang kerana _____," kata Aidil.
- A ilmu itu pelita hidup
B bersekutu bertambah mutu
C biar lambat asalkan selamat
D hilang bahasa lenyaplah bangsa